



## **PENUBUHAN PUSAT INOVASI NILAI (*VALUE INNOVATION CENTRE-VIC*) DI KPKT**

Selaras dengan usaha mengarusperdanakan dan memberi nilai terhadap inisiatif inovasi bagi meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan awam, Kementerian ini telah menubuhkan Pusat Inovasi Nilai (*Value Innovation Centre-VIC*) pada 1 Februari 2018 yang lalu.

Pusat Inovasi Nilai yang mempunyai misi untuk menjadi perintis dan koordinator inovasi nilai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini diketuai oleh Encik Yap Hock Ann sebagai Ketua Pegawai Inovasi Nilai (*Chief Value Innovation Officer*).

Fungsi-fungsi utama yang akan dilaksanakan oleh *VIC* ini adalah seperti berikut:

- Merancang, menyelaraskan dan memantau program-program Kualiti Kementerian; dan
- Merancang, menyelaraskan dan memantau program-program Inovasi Kementerian



Sumber: Unit Komunikasi Korporat